



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 Julai 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Terjun sungai tinggal tong gas

**Lelaki cuba seludup 15
tong gas LPG guna perahu
di pangkalan haram**

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN

TUMPAT - Seorang penyeludup bertindak terjun ke Sungai Golok untuk melarikan diri ke Thailand dengan meninggalkan sebuah perahu sarat dengan gas petroleum cecair (LPG) di pangkalan haram Mekza, Simpangan di sini pada Sabtu.

Kejadian kira-kira jam 8 malam itu disedari sepasukan Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuala Terengganu yang sedang menjalankan rondaan motosikal menerusi Op Taring Wawasan.

Komander Briged Tenggara, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, anggota operasi mengesan sebuah perahu dinaiki seorang lelaki tempatan dalam keadaan mencurigakan di pangkalan haram berkenaan.

Menurutnya, sebaik menyedari kehadiran pasukan keselamatan, suspek bertindak terjun ke dalam sungai sebelum berenang ke arah Thailand.

"Hasil pemeriksaan ke atas perahu tersebut menemukan 15 tong gas LPG berkapasiti 14 kilogram dipercayai cuba diseludup melalui laluan tidak diwartakan.

"Turut dirampas sebuah perahu dan sebuah penimbang. Keseluruhan nilai rampasan dianggarkan RM11,560," katanya kepada pemberita pada Ahad.

Ujarnya, tiada tangkapan dilakukan kerana suspek meloloskan diri ke negara jiran.

Tambahnya, barangan rampasan dibawa ke Komtak Pengkalan Kubor sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan untuk tindakan lanjut.

Beliau memberitahu, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Usaha mengesan pemilik perahu sedang dijalankan bagi membantu siasatan," jelasnya.

Seorang penyeludup bertindak terjun ke Sungai Golok untuk melarikan diri ke Thailand dengan meninggalkan sebuah perahu sarat dengan LPG di pangkalan haram Mekza, Simpangan, Tumpat pada Sabtu.



FOTO:PGA

Penyeludup terjun sungai, tinggal tong gas dalam perahu

Tumpat: Cubaan seorang lelaki menyeludup 15 tong gas petroleum cecair menggunakan perahu menerusi Sungai Golok dipatahkan Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9), kelmarin.

Bagaimanapun lelaki itu gagal ditahan apabila bertindak melarikan diri dengan terjun dari perahu yang dinaikinya sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Ahmad Radzi Hussain berkata, terdahulu pasukannya menjalankan penugasan rondaan motosikal di Pangkalan Haram Mekza, Kampung Simpangan pada jam 8 malam.

"Anggota kami mengesan sebuah perahu dinaiki seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan sebelum cuba menghampirinya.

"Bagaimanapun lelaki berkenaan bertindak terjun ke dalam sungai dan berenang ke arah Thailand.

"Hasil pemeriksaan dalam perahu terbabit menemui 15 tong gas petroleum cecair berkapasiti 14 kilogram yang disyaki diseludup melalui jalan tidak



PGA9 merampas 15 tong gas petroleum cecair yang cuba diseludup ke Thailand menerusi Sungai Golok di Kampung Simpangan, Pengkalan Kubor.

diwartakan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ahmad Radzi berkata, semua rampasan yang terdiri daripada perahu, tong gas

petroleum cecair serta satu unit alat penimbang dirampas sebelum dibawa ke Komtak Pengkalan Kubor.

"Hasil pemeriksaan dalam perahu terbabit menemui 15 tong gas petroleum cecair berkapasiti 14 kilogram yang disyaki diseludup melalui jalan tidak diwartakan"

Ahmad Radzi

Ops Mega gempur 'port' warga asing di Klang



Antara lebih 1,000 warga asing yang ditahan Imigresen dalam Ops Mega sekitar kawasan Hentian Klang, semalam. (Foto BERNAMA)

Klang: Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan pemeriksaan terhadap lebih 1,000 warga asing menerusi Ops Mega di sekitar kawasan Hentian Klang semalam, dalam usaha membanteras kehadiran pendatang tanpa izin.

Pemeriksaan mengejut bermula jam 12 tengah hari itu menyasar lot kedai serta pelbagai premis perniagaan dan hostel, yang dikenal pasti menjadi lokasi tumpuan utama penempatan serta aktiviti ekonomi komuniti warga asing di daerah Klang.

Tinjauan mendapati pasukan penguat kuasa meneliti status dokumen perjalanan setiap individu ditahan bagi memastikan tiada pelanggaran di bawah Akta Imigresen 1959/63, termasuk kesalahan tinggal lebih masa serta tidak memiliki dokumen sah.

Difahamkan, Imigresen memberikan fokus penuh dalam proses saringan itu untuk mengenal pasti sebarang pembabit pihak

luar atau majikan melindungi pendatang tanpa izin.

Operasi bersepadu itu turut membongkar kegiatan menyala-hi undang-undang di premis terbabit apabila pihak berkuasa menemukan aktiviti tidak bermoral serta penjualan barangan terlarang di beberapa unit penginapan sementara berkenaan.

Tindakan proaktif berskala besar itu dijayakan menerusi pembabit 250 pegawai serta anggota penguat kuasa hasil kerjasama strategik antara Jabatan Imigresen Putrajaya dan Selangor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Selangor.

Semua ditahan dibawa ke Pejabat JIM Selangor untuk siasatan lanjut dan perincian lengkap akan didedahkan pada sidang media oleh Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban di Putrajaya, hari ini. BERNAMA



PENJUALAN durian tanpa tanda harga mengundang rasa kecewa dalam kalangan pembeli. – GAMBAR HIASAN

Masih ada peniaga tak letak tanda harga

SAUDARA PENGARANG,

KETIKA membawa anak ke sebuah sekolah memandu di jalan lama Bangi-Dengkil baru-baru ini saya perhatikan begitu banyak orang menjual durian di tepi jalan.

Berniaga itu bagus untuk mencari rezeki tetapi apa yang membuatkan saya sakit hati ialah ada peniaga malas meletakkan tanda harga.

Mereka seolah-olah memasang perangkap kepada pengguna jalan raya yang terpaksa berhenti untuk bertanya.

Jika sudah berhenti, kita kena beli walaupun tidak berpuas hati dengan harga yang ditawarkan kerana kita sudah malu alah sama ada untuk meneruskan perjalanan

atau terpaksa membeli walaupun sebijl.

Ada yang meletakkan tanda harga tetapi terlalu kecil dan hanya boleh nampak selepas kita turun kereta atau berhenti.

Ini merupakan paksaan secara halus peniaga licik mendapatkan jualan. Sudah di hujung musim pun masih lagi menggunakan taktik sebegini.

Untung sudah dapat, buah pun sudah tidak banyak. Berniaga biar ikhlas kerana di situ datangnya keberkatan.

Jangan asyik mahu orang datang membeli tetapi hal kecil yang sangat penting itu diabaikan sehingga mendatangkan kemarahan kepada pengguna.

**HANTU DURIAN/
Sungai Tangka**

Hentian Bas Klang 'empayar' warga asing

KLANG - "Setiap Sabtu dan Ahad memang ramai. Semua kedai mereka sapu."

Itu gambaran situasi sekitar Hentian Bas Klang (*Bus Stand Klang*) di sini yang dipenuhi warga asing sehingga mencetuskan keresahan dalam kalangan penduduk dan peniaga tempatan.

Bagaimanapun, kawasan itu

bertukar kecoh selepas diserbu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor dengan kerjasama Ibu Pejabat JIM Putrajaya, jabatan imigresen negeri-negeri lain serta beberapa agensi terdiri daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN).

Dalam Op Mega yang bermula kira-kira jam 12 tengah hari pada Ahad itu, lebih 1,000 warga asing diperiksa termasuk warga Nepal, Bangladesh, Myanmar dan Pakistan.

Sinar Harian yang berpeluang menyertai operasi itu mendapati kebanyakan premis perniagaan

yang menjual makanan, pakaian, aksesori telefon dan emas dipercayai diusahakan warga asing.

Malah, sebuah hotel disyaki dijadikan tempat pelacuran melibatkan warga asing selepas kondom dan gel pelincir ditemukan di premis berkenaan.

Bukan itu sahaja, pusat bandar ini turut dicemari bau busuk apabila sekurang-kurangnya dua premis dikesan dijadikan tempat pemotongan daging lembu.

Lebih mengejutkan, pemeriksaan di sebuah gerai menjual sirih menemukan bahan disyaki dadah jenis syabu disembunyikan dalam lipatan wang kertas RM1.

Bagaimanapun, gerai itu telah ditinggalkan oleh penjaganya, seorang warga Bangladesh.

Seorang lelaki tempatan yang berada di kawasan itu mendakwa gerai berkenaan menjual syabu bersama-sama sirih kepada warga asing.

"Suspek dikesan menggunakan taktik menjual sirih bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Namun, secara rahsia, suspek turut menawarkan syabu," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga tempatan yang enggan dikenali berkata, keadaan pada

hujung minggu bertukar seperti kampung halaman warga asing berkenaan.

"Kalau tengok, memang di sana sini ada kedai makan mereka, kedai baju... Jalan hitam pun boleh jadi merah kerana ludah sirih."

"Kalau tengok di hadapan itu, namanya sahaja kedai mamak, tetapi sebenarnya dikendalikan warga Bangladesh."

"Saya percaya ada yang menjaga mereka (warga asing) ini. Kalau tidak, bagaimana mereka boleh berniaga dengan mudah? Ramai yang ditahan hari ini. Memang puas hati, terbaik," katanya kepada *Sinar Harian* di sini.

Pemerhatian lanjut *Sinar Harian* turut mendapati segelintir individu yang disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI) cuba melarikan diri selepas menyedari kehadiran anggota JIM.

Ada yang berpura-pura menjadi pelanggan kedai dan kononnya warga tempatan. Segelintir daripada mereka juga dipercayai berada dalam keadaan mabuk.

Sinar Harian turut difahamkan bahawa semua yang ditahan dibawa ke Pejabat Imigresen Selangor untuk proses dokumentasi dan siasatan mengikut Akta Imigresen 1959/63.



JIM menggempur warga asing kawasan di sekitar Hentian Bas Klang di Klang pada Ahad.

CHAOTIC SCENES

IMMIGRATION SWEEP AT KLANG BUS STAND

More than 1,000
foreigners screened
in surprise
operation

AUSTIN CAMOENS
KLANG
austin@nst.com.my

UNDOCUMENTED foreigners ran in every direction, with some even jumping out of buses, during a surprise raid by the Immigration Department at Klang Bus Stand here yesterday afternoon.

The area, a popular weekend gathering spot for migrant work-

ers, was cordoned off by enforcement personnel before the raid began.

The integrated operation was conducted by the Selangor Immigration Department and involved officers from the National Registration Department, the Domestic Trade and Cost of Living Ministry and the Putrajaya Immigration Department.

More than 1,000 foreigners of various nationalities were screened to verify whether they possessed valid travel documents and work passes.

The *New Straits Times* observed foreigners scrambling into nearby shoplots and alleyways in a desperate attempt to evade the authorities.

However, most were intercept-



Some of the more than 1,000 people who were detained by Immigration officers during a raid at Klang Bus Stand yesterday. NSTP PIC BY HAZREEN MOHAMAD

ed by enforcement officers.

A trader, who declined to be identified, said the commercial area attracted large numbers of foreign nationals, particularly on weekends.

"They gather here to socialise and shop for goods from their home countries."

The area is frequented mainly by Bangladesh, Myanmar and Nepal nationals.

The Immigration is expected to hold a press conference today, during which the director-general will announce details of the operation, including the number of arrests made.

Those detained are being investigated under Section 15(1)(c) of the Immigration Act 1959/63 for overstaying and Section 6(1)(c) of the same act for not possessing valid travel documents or

passes.

In a subsequent raid on a nearby hotel, officers found signs that it had been operating as a brothel.

However, officers believed that the women working there had fled before they entered the premises.

They found one foreign man locked inside a room and he was escorted out in handcuffs.

人言籍籍

陳孝仁
助理新聞主任

市場沒有偏心，消費者只會選擇更划算

中國電商平台拼多多以超低价、全品类和不限額包郵的姿態闖入馬來西亞市場，短短時間就俘獲了大量網購用戶的青睞。

一把本地電商售價13令吉的指甲剪，在平台上仅售2令吉還包郵，這種懸殊的價格差，讓本地不少商家直呼“根本沒得比”，也引發了關於跨境電商是否衝擊本地商業生態的廣泛討論。

很多人，或者更準確來說，是商家們擔憂，消費者眼下享受到的便宜，會以本地商舖关门、工廠減產、就業崗位流失為代價，便宜貨最終變成短暫的假象。這種顧慮並非毫無來由，就像當年電召車剛進入馬來西亞時，也遭到了傳統德士行業的強烈反對，認為新平台將摧毀原有行業，影響無數司機的生計。

然而，事實證明，競爭雖然帶來了陣痛，卻推動了行業升級。

相比過去德士漫天喊價、繞路收費等亂象，電召車凭借透明計費、全程記錄、評價機制等數字化管理，不僅保障了司機和乘客雙方權益，如今成為公共交通體系不可或缺的一環。

數字經濟時代，跨境網購早已是不可阻擋的趨勢，消費者動動手指就能買到全球的商品，這是技術進步帶來的必然結果，並非任何國家或企業能够輕易阻擋的。

面對外來平台的強勢競爭，商家與其困在“市場不公平”的抱怨里，不如主動轉身尋找新的出路。

過去靠着信息差就能輕鬆取得盈利的時代已經過去，如今更要思考的是，如何利用本土供應鏈優勢，在服務效率、產品特色、用戶體驗上做出差異化，找到自己不可替代的位置。

唯有建立无法輕易被复制的价值，才能在激烈競爭中站穩腳跟。

當然，開放競爭絕不等於放任無序。

近年來，跨境電商快速發展，也伴隨著網絡詐騙、假冒偽劣商品、惡性低價競爭等問題不斷浮現，反映現有法規和監管機制已難以完全適應新的商業環境。

對此，國內貿易及生活費部將提交一份全新的法案框架，以加強保護消費者權益，包括應對電子商務交易詐騙案件日益增加的問題。

內貿部長阿米占披露，這項法案至少包含10項主要政策建議，其中包括引入域外適用條文，讓設於海外的平台，也必須為影響馬來西亞消費者的違法行為承擔法律責任，這正是補上監管短板的关键一步。

市場永遠遵循“有需求就有市場”的铁律，真正健康的商業環境，從來不是保護落后的业态，也不是任由資本無序競爭、贏家通吃，而是在鼓勵公平競爭、讓消費者享受實惠的同時，以完善的法律制度維護市場秩序。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 JULAI 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Jul	KPDN receives over 12,000 price-related complaints, steps up enforcement against profiteering	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpdn-receives-over-12000-price-related-complaints-steps-up-enforcement-against-profiteering/	THE SUN
13-Jul	Ministry steps up enforcement, app use to ensure subsidised oil supply	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2026/07/09/ministry-steps-up-enforcement-app-use-to-ensure-subsidised-oil-supply	FMT
13-Jul	KPDN: Gangguan bekalan minyak masak di Sabah berpunca daripada isu halal, bukan eCOSS	https://themalay-siapress.com/2026/07/10/kpdn-gangguan-bekalan-minyak-masak-di-sabah-berpunca-daripada-isu-halal-bukan-ecoss/	THE MALAYSIA PRESS
13-Jul	Permintaan tinggi, tempahan melebihi had punca tiket feri Menumbok-Labuan habis awal	https://sabahmedia.com/2026/07/10/permintaan-tinggi-tempahan-melebihi-had-punca-tiket-feri-menumbok-labuan-habis-awal/	SABAH MEDIA
13-Jul	KPDN perjas kekeliruan penjualan tiket feri laluan Menumbok-Labuan	https://sabahnews.com.my/kpdn-perjas-kekeliruan-penjualan-tiket-feri-laluan-menumbok-labuan/	SABAH NEWS
13-Jul	Panik diekori penyeludup, campak 595 paket minyak masak dalam semak	https://www.sinarharian.com.my/article/787200/berita/semasa/panik-diekori-penyeludup-campak-595-paket-minyak-masak-dalam-semak	SINAR HARIAN
13-Jul	Better copyright protections in store	https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/07/10/better-copyright-protections-in-store	THE STAR

13-Jul	Program Jualan Rahmah MADANI Bergerak mendapat sambutan menggalakkan	https:// www.utusanborneo.com.my/2026/07/12/program-jualan-rahmah-madani-bergerak-mendapat-sambutan-menggalakkan	UTUSAN BORNEO
13-Jul	MBKS to open temporary counter for SKDS applications July 15–16	https:// www.theborneopost.com/2026/07/12/mbks-to-open-temporary-counter-for-skds-applications-	THE BORNEO POST
13-Jul	JIM periksa lebih 1,000 warga asing di Hentian Klang	https://www.hmetro.com.my/ mutakhir/2026/07/1383366/jim-periksa-lebih-1000-warga-asing-di-hentian-klang?source=widget	HARIAN METRO
13-Jul	Bus Stand Klang lubuk warga asing, kena pukut	https:// www.sinarharian.com.my/article/787504/berita/semasa/bus-stand-klang-lubuk-warga-asing-kena-	SINAR HARIAN
13-Jul	JIM periksa lebih 1,000 warga asing di Hentian Klang	https://www.astroawani.com/ berita-malaysia/jim-periksa-lebih-1000-warga-asing-di-hentian-klang	ASTRO AWANI
13-Jul	Over 1,000 foreigners screened at Hentian Klang during Ops Mega	https:// www.sarawaktribune.com/over-1000-foreigners-screened-at-hentian-klang-during-ops-mega/	SARAWAK TRIBUNE
13-Jul	JIM periksa lebih 1,000 warga asing di Hentian Klang	https://www.bernama.com/bm/ jenayah_mahkamah/news.php?id=2579983	BERNAMA
13-Jul	JIM periksa lebih 1,000 warga asing di Hentian Klang	https://themalaytribune.com/jim- periksa-lebih-1000-warga-asing-di-hentian-klang/	THE MALAY TRIBUNE

13-Jul	JIM periksa lebih 1,000 warga asing di Hentian Klang	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/07/1383366/jim-periksa-lebih-1000-warga-asing-di-hentian-klang	HARIAN METRO
13-Jul	Banding harga, elak pembaziran kunci ringankan kos sara hidup	https://www.asiatimes.com.my/2026/07/12/banding-harga-elak-pembaziran-kunci-ringankan-kos	ASIA TIMES